



Kuota wajib 30% untuk pecahkan monopoli kartel daging import

🕒 2017-09-12

TEMERLOH: Syarat mewajibkan kuota sekurang-kurangnya 30 peratus untuk pengimport Bumiputera dijangka dapat memecahkan monopoli kartel daging import, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman.

Beliau berkata, syarat itu juga akan turut dikenakan kepada dua lagi pusat penyembelihan yang bakal menerima kelulusan mengesport daging ke Malaysia bagi memastikan pengimport Bumiputera turut mendapat peluang dalam perniagaan itu.

Setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kesihatan telah membuat pemeriksaan di beberapa pusat penyembelihan baharu di India sebelum diberi kelulusan berkaitan, katanya.

“Syarat (30 peratus) itu sedang diteliti dan dijangka dapat dilaksanakan memandangkan kelulusan kepada tujuh atau lapan pengeksport daging sudah hampir tamat tempohnya dan perlu diperbaharui.

“Secara dasarnya ia telah dipersetujui dan kita cuma menunggu kelulusan pihak pusat penyembelihan dan Jabatan Veterinar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Bantuan ‘Touch Point’ kepada Nelayan Daerah Temerloh di sini, semalam.

Tajuddin berkata demikian bagi mengulas kewujudan kartel dalam aktiviti import daging yang didakwa menyaksikan penglibatan Bumiputera sebanyak 10 peratus sedangkan Malaysia mengimport daging pada nilai hampir RM2 bilion setahun, kebanyakannya dari India.

Beliau juga mengakui masalah itu berkemungkinan disebabkan oleh sikap pengeksport yang disifatkannya selesa berurusan dengan pengimport bukan Bumiputera yang tidak mahu perniagaan mereka turut terjejas.

“Bagi saya, tidak adil jika peluang itu tidak diberikan kepada pengimport Bumiputera,” katanya.

Tajuddin juga berharap pengimport Bumiputera dapat bergabung menubuhkan satu konsortium sebagaimana yang pernah disarankan beliau sejak dua tahun lalu dalam usaha meningkatkan kemampuan bersaing dengan pengimport bukan Bumiputera.

“Kita mahu konsortium itu wujud supaya mereka boleh mendapatkan pinjaman bank kerana usaha mengimport perlukan modal besar sedangkan kebanyakan mereka memiliki modal terhad. Oleh itu, bagaimana mereka mahu bersaing?

“Perkara ini perlu dilihat semula agar mereka boleh mendapatkan pembiayaan bagi kemudahan seperti bilik sejuk. Ini boleh dilaksanakan jika mereka bergabung,” katanya.

Selain itu, Tajuddin juga menegaskan setakat ini tidak timbul sebarang keperluan untuk merombak Jabatan Veterinar berhubung isu kartel daging berikutan sikap positif jabatan itu dalam usaha mengatasi perkara berkenaan. — Bernama